

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI,  
DATUK HUSSEIN ONN, DI UPACARA  
PERISYTIHARAN PELANCARAN LEMBAGA  
KEMAJUAN KELANTAN SELATAN,  
DI BATU GAJAH, TANAH MERAH,  
KELANTAN, PADA HARI AHAD  
5HB. MAC, 1978 JAM 3.00 PETANG.

1. Yang Amat Berhormat  
Datuk Haji Mohamed Nasir,  
Menteri Besar Kelantan.

*Pan Sri A. Kadir Yusof,*

2. ✓ Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah  
dan Kemajuan Wilayah,

3. *y. B. mulia Tengku Razaleigh Haniffah (Menteri Kemajuan)*  
*Datuk Haji Mohd Yakob*

4. Yang Berhormat ~~Menteri-Menteri~~  
dan ~~Timbalan-Timbalan Menteri.~~

5. *y. B. Setiausaha Kerajaan negeri Kelantan*

6. *y. Bahgia Tuan Pengerusi Jawatankuasa 7 Pegawai 2 Kerjasama.*

8 Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Saya bersyukur kehadiran Allah kerana  
dapat bersama-sama hadir di majlis penting  
ini, dan seterusnya mengisytiharkan penubuhan  
Lembaga Kemajuan bagi Kelantan Selatan.

Lembaga ini samalah

juga seperti agensi-agensi yang telah diwujudkan di Pahang, Johor dan Trengganu. Walau bagaimanapun, Lembaga ini merupakan yang terbesar di Semenanjung Malaysia.

2. Pembangunan Wilayah adalah satu pendekatan yang bersepadu, untuk mengurangkan ketidakseimbangan perkembangan ekonomi diantara negeri-negeri di Malaysia, dan juga diantara kawasan-kawasan di dalam negeri itu sendiri. Strateji ini juga mementingkan keupayaan

atau potensi tiap-tiap wilayah, untuk menampung pembangunan pertanian dan perindustrian, terutamanya di negeri-negeri yang kurang maju, bagi menjamin supaya pembangunan wilayah, dapat memberi sumbangan kepada pembangunan negara seluruhnya.

3. Matalamat asas pembangunan wilayah ialah, agihan yang seimbang bagi pendapatan, kemudahan-kemudahan sosial seperti perumahan, perubatan, bekalan air dan api, persekolahan, dan peluang-peluang untuk membolehkan

pembangunan sosial dan ekonomi untuk rakyat, selaras dengan matakamamam-matakamamam Dasar Ekonomi Baru.

4. Memandangkan wujudnya keadaan tidak-seimbang diantara agihan hasil sumber alam dan penduduk pada masa sekarang, penempatan semula penduduk yang tertentu ke-kawasan-kawasan yang mempunyai potensi pembangunan, merupakan unsur penting di-dalam strategi Pembangunan Wilayah. Penempatan semula penduduk adalah perlu, bagi mengurangkan kesesakan di kawasan-kawasan yang mempunyai

kepadatan penduduk yang tinggi. Di satu sudut yang lain pula, konsep Pembangunan

Wilayah ini, mementingkan perancangan untuk membekalkan tenaga buruh yang diperlukan, bagi projek-projek pembangunan tanah dan yang lain-lain, di kawasan-kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang rendah.


5. Pada hakikatnya, negeri Kelantan adalah sebuah negeri pertanian, dan ia juga adalah sebagai negeri yang dianggap kurang bernasib baik, di mana sebilangan besar dari penduduk berada di dalam keadaan miskin. Negeri

Kelantan adalah dikatakan salah sebuah negeri yang pendapatan penduduknya purata ialah antara 45 peratus hingga 65 peratus dari pendapatan keseluruhan Semenanjung Malaysia.

Lebihkurang 65 peratus penduduk Negeri Kelantan hidup dalam kemiskinan; hampir dari 70 peratus dari keluarga desa dan 44 peratus dari keluarga bandar, adalah dalam lingkungan kemiskinan, iaitu berpendapatan kurang daripada \$25/- sebulan.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

6. Diteliti dari sudut angka tunjuk sosio-ekonomik, kedudukan penduduk di Negeri ..7/-



Kelantan, terutamanya di kawasan luar bandar, adalah jauh lebih daif, jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain. Ini adalah nyata jika ditinjau keadaan persekolahan, kesihatan, perumahan, yang secara langsung menggambarkan taraf kehidupan penduduk di satu-satu kawasan. Data menunjukkan bahawa kadar kematian kanak-kanak di Kelantan, ialah 50 orang bagi tiap-tiap seribu penduduk, berbanding dengan kadar keseluruhan negara sebanyak 38 orang sahaja. Bagi kadar kematian bayi pula, Negeri Kelantan mengalami 5 orang bagi

tiap-tiap seribu penduduk, berbanding dengan kadar negara sebanyak 3 orang.

7. Di kawasan-kawasan perkampongan, terutamanya kawasan pendalaman, terdapat masalah kekurangan kemudahan-kemudahan asas, seperti bekalan air, elektrik, persekolahan dan kesihatan. Keutamaan perlu diberi bagi mengadakan kemudahan asas, supaya penduduk-penduduk dapat menikmati kemudahan sepertimana yang dinikmati oleh rakyat dan penduduk di bandar. Usaha kearah memperbaiki taraf hidup penduduk di kawasan ini, akan dapat

dilaksanakan melalui satu perancangan rapi, berasaskan kepada strategi pembangunan wilayah yang akan ditubuhkan ini.

8. Dari segi pembangunan industri, Negeri Kelantan juga ketinggalan, berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia.

Pengeluaran bersih negeri ini, hanya sebanyak \$7.6 juta atau 2% dari jumlah keluaran bidang perindustrian bagi Malaysia Barat.

9. Negeri Kelantan menghadapi masalah kemiskinan, pengangguran, kekurangan punca

*Stress these points hard.*

kewangan, dan kekurangan pembangunan perindustrian, pertanian dan perkhidmatan. Hakikat dan kenyataan ini, telah dipergunakan oleh golongan anti-nasional, khususnya pihak

kominis, yang telah sekian lama cuba bertapak di kampong-kampong pendalaman di Ulu Kelantan. Tumpuan mereka ialah kampong-kampong terpencil di sepanjang-panjang lembah Sungai Pprgau, Galas dan Neggiri.

10. Tambahan pula, kedudukan Negeri Kelantan yang bersempadan dengan Negeri Thai, memerlukan pelaksanaan rancangan pembangunan

ekonomi dan peluang-peluang, untuk memperbaiki nasib rakyat. Dengan ini bererti, bahawa peluang pihak kominis untuk terus menggunakan keadaan serba mundur dan meleset penduduk di sini, hendaklah dibentaras dengan secepat mungkin. Dalam kontek ini, strateji permbangunan yang lebih berkesan, seperti Pembangunan

Wilayah bagi tujuan menempatkan dan memberi pekerjaan, perlu dilaksanakan secepat mungkin.

*Tuan<sup>2</sup> dan Puan sekalian.*

11. Kawasan yang tertakluk kepada Pembangunan Wilayah Kelantan Selatan, ialah lebihkurang 4,480 batu persegi atau 2.6 juta ekar. Luasnya

adalah hampir tiga-perempat daripada keseluruhan Negeri Kelantan. Kawasan ini meliputi keseluruhan Daerah atau Jajahan Ulu Kelantan, melainkan mukim-mukim Jeli dan Batu Mengkebang; dan Mukim Belimbing dalam Jajahan Tanah Herah. Mengikut banci penduduk tahun 1970, Wilayah Kelantan Selatan ini, mempunyai penduduk seramai 41,416 orang sahaja. Kepadatan penduduk ialah 9.24 orang bagi tiap-tiap satu batu persegi. Ini

*bermakna wilayah ini kekurangan sangat penduduk.*

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

12. Sungguhpun kawasan ini amatlah luas,

tetapi ianya telah dibiarkan begitu lama.

Dengan tertubuhnya Lembaga ini, maka dapatlah potensi-potensi yang ada di kawasan yang subur dan kaya ini. Potensi-potensi yang ada di dalam kawasan ini adalah terbagi kepada pertanian, ternakan haiwan, perkayuan dan perlombongan.

13. Potensi pertanian, yang berasaskan

*selatan linitas, menunjukkan bahwa*  
 kepada kajian ~~yang adhoc~~, wilayah Kelantan

Selatan mempunyai lebihkurang 125,000 ekar

tanah di bawah kelas I dan 11, dan 11,400 ekar

di bawah Kelas III. Sebahagian besar

dari jumlah 136,400 ekar tanah yang sesuai untuk pertanian, telah diberi hakmilik, samada kepada pihak perseorangan, atau agensi-agensi Kerajaan, bagi dimajukan untuk pertanian. Walau bagaimanapun, ada lagi lebihkurang 147,400 ekar yang sedang disiasat bagi memastikan samada ianya sesuai kerana pertanian.

14. Potensi Ternakan Haiwan. Selain daripada perusahaan pertanian, Wilayah Kelantan Selatan ini juga mempunyai potensi perusahaan ternakan. Memandangkan faktor-

faktor semula jadi, adalah difikirkan perusahaan menternak, dapat dimajukan dengan lebih meluas dan berkesan. Dengan adanya tanah yang subur didataran Sungai Kelantan, dan sistem pengangkutan melalui Lebohraya Timur-Barat dan Lebohraya Kuala Krai/Gua Busang/Kuala Lipis, nyatalah kemudahan bagi potensi ini dapat dipergunakan dengan sepenuhnya.

15. Potensi Pembangunan Perhutanan, Kawasan yang dicadangkan untuk Pembangunan Wilayah ini, meliputi lebihkurang dua juta ekar.

Seluas 1.7 juta ekar, adalah dikhaskan sebagai hutan simpan kekal. Berasaskan angka ini, nyatalah wilayah Kelantan Selatan ini, mempunyai potensi pembangunan perhutanan. Walaubagaimana pun, perusahaan perhutanan haruslah dirancangkan dengan teratur, dan pelaksanaannya di kawal dan diselaraskan dengan kehendak negara, supaya dapat diperolehi faedah maksinia daripada perubahan ini.

16. Kompleks Perusahaan Perkayuan yang dicadangkan bagi kawasan ini, merupakan satu industri yang bersepadu, iaitu mengguna dan

mengeluarkan hasil hutan sepenuhnya, dengan pendapatan yang tinggi. Ia juga dapat mewujudkan peluang pekerjaan yang banyak, yaitu bagi lebihkurang 4,200 orang.

17. Potensi Perlombongan.. Selain daripada itu, menurut laporan penyiasatan kajibumi, ada terdapat logam-logam saperti emas, timah, besi, manganes, zinc, copper, lead, tungsten dan lain-lain, di kawasan ini. Dengan terbukanya kawasan ini, dijangka. akan dapat menghasilkan lebihkurang 15,000 pekerjaan.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekelian.

18. Selain daripada mewujudkan peluang pekerjaan, dan meningkatkan kegiatan pembangunan ekonomi, Kawasan ini memerlukan penyediaan kemudahan asas seperti jalan, bekalan elektrik dan air, dan lain-lain. Pusat-pusat bandar baru, juga akan diadakan di wilayah ini nanti.

19. Dengan terbukanya wilayah ini, dapatlah tekanan penduduk yang pesat, yang sedang dialami dilembah Sungai Kelantan (Kelantan River Basin), dikurangkan, kerana ramai penduduk daripada kawasan lembah Sungai Kelantan ini,

akan berpindah ke wilayah Kelantan Selatan.

20. Wilayah ini dijangka boleh menampung 200,000 orang penduduk dalam tempoh akhir tahun 1990. Adalah dijangkakan bahawa kegiatan pembangunan di wilayah ini, akan dapat menghasilkan lebihkurang 15,000 pekerjaan yang khusus, disamping akan mengwujudkan pekerjaan tambahan. Jumlah peluang pekerjaan yang akan diwujudkan di wilayah ini, adalah lebihkurang 54,000 orang.

21. Bagi mentadbir dan menjayakan kawasan ini, Lembaga akan mengambil 34 orang kakitangan yang akan berkhidmat dalam tahun 1978. Perbelanjaan mengurus lebih kurang \$1.4 juta, telahpun diluluskan bagi tahun ini. Selain daripada itu, pihak Kerajaan telah merancang membina beberapa batang jalan, untuk menyambungkan kawasan ini dengan tempat-tempat lain. Lebih daripada \$400 juta akan dibelanjakan bagi membina jalan-jalan raya, dan \$21 juta bagi mengadakan bekalan air bagi kawasan tersebut.

TUAN- TUAN DAN PUAN- PUAN SEKELIAN.

21 A. KEJAYAAN RANCANGAN RAKSA SAMPERTI  
INI DI-PAHANG, DI-JOHOR DAN DI-TRENGGANU  
PADA KESELURUHANNYA, ADA-LAH DENGAN BANTUAN  
DAN SOKONGAN KERAJAAN PUSAT YANG DI-KUASAI OLEH  
BARISAN NASIONAL. KERJASAMA DAN PERSEFAHAMAN  
DI-ANTARA KERAJAAN NEGERI DAN KERAJAAN PUSAT,  
ADA-LAH PENTING, BAGI MEMASTIKAN KEJAYAAN INI.  
OLEH ITU, ADA-LAH PENTING BAGI RAKYAT NEGERI  
KELANTAN MEMASTIKAN, SUPAYA KERJASAMA DAN  
PERSEFAHAMAN YANG TELAH WUJUD SEKARANG INI,  
DI-ANTARA KERAJAAN NEGERI DENGAN KERAJAAN PUSAT  
DAPAT DI-PELIHARA DAN DI-KEKALKAN, SUPAYA  
BERBAGAI RANCANGAN DAN PROJEK YANG TELAH  
DI-SEDIAKAN INI, DAPAT DI-LAKSANAKAN.

... 20 B/-

21 B. KUASA PENENTUAN INI ADA-LAH  
DI-TANGAN RAKYAT NEGERI KELANTAN SEKELIAN. APA YANG  
DI-KEHENDAKKI IA-LAH SUPAYA MEMBERIKAN SOKONGAN  
KEPADA CALUN-CALUN BARISAN NASIONAL, SUPAYA  
PARTI KITA DAPAT MENERUSKAN PERKHIDMATAN KITA  
KEPADA RAKYAT KELANTAN. PERUBAHAN KEARAH KEMAJUAN  
TELAH PUN DAPAT KITA SAMA-SAMA LIHAT  
DAN SAKSIKAN, SEJAK EMPAT TAHUN YANG LALU.  
KEMAJUAN SETERUSNYA MESTI-LAH DI-PEROLEHI. BAGI  
MEMBOLEHKAN RAKYAT NEGERI INI, MENIKMATI KEMAKMORAN  
DAN KEHAHAGIAN YANG LEBIH LAGI.

21 C. SEBAGAIMANA YANG PERNAH SAYA NYATAKAN,  
HANYA-LAH KERAJAAN BARISAN NASIONAL YANG MEMPUNYAI  
KEUPAYAAN DAN KEMAMPUAN, MENGENDALIKAN PELAKSANAAN  
YANG BESAR SAPERTI INI. BARISAN NASIONAL JUGA  
BERAZAM, MENGEKALKAN KERAJAAN YANG JUJUR, BERSIH  
DAN PENUH DEDIKASI, UNTUK BERKHIDMAT KEPADA  
RAKYAT JELATA. DENGAN MEMBERI KEPERCAYAAN DAN

KEYAKINAN KEPADA BARISAN NASIONAL, RAKYAT KELANTAN  
DAPAT BERSAMA-SAMA DENGAN KERAJAAN PUSAT,  
MENYELAMATKAN NEGERI INI DARI KECICIRAN YANG  
BERTERUSAN.

21 D. SEBAGAI PUCOK PIMPINAN BARISAN NASIONAL  
PERINGKAT KEBANGSAAN, SAYA BERJANJI AKAN MEMBANTU  
SEPENUHNYA KERAJAAN NEGERI DARI BARISAN NASIONAL  
DI-KELANTAN INI, MENCAPAI HASRAT DAN CITA-CITA  
SUCI INI, INSYA ALLAH, SAYA AKAN MENGAMBIL  
MINAT PENUH DALAM PERKARA INI, DAN AKAN  
MENGDCUTI SETIAP KEMAJUANNYA DALAM SEMUA BIDANG DARI  
MASA KE-SEMASA. SEKALI LAGI SAYA MENYERU  
KEPADA SAUDARA-SAUDARA DAN RAKYAT KELANTAN SEKELIAN, SUPAYA MEMBERI  
KEPARCAYAAN DAN KEYAKINAN KEPADA BARISAN NASIONAL,  
PADA 11HB MAC ini.

*Guan<sup>2</sup> dan Puan<sup>2</sup> sekalian.*

22. Saya sukalah mengambil kesempatan ini menggesa sekalian pegawai dan kakitangan, serta lain-lain pihak yang terlibat dalam perancangan dan pelaksanaan rancangan raksaksa ini, supaya ber.khidmat dengan ikhlas, dedikasi dan penuh kejujuran. Kejayaannya akan menjadi kemegahan dan kebanggaan negeri dan negara. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab dan kewajipan semua pihak, bagi memastikan kejayaan pelaksanaannya. Saya mendo'akannya selamat maju-jaya.

..22/-

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

23. Dengan ini, saya dengan amat sukacitanya,  
merasmikan pelancaran Lembaga Kemajuan  
Kelantan Selatan.

Terima kasih.



No Siri ..... 347 .....  
No Penerimaan ..... 145/80 .....